

GP

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PAPAN IKLAN LUAR DI NEGERI PULAU PINANG 2025



Hakcipta terpelihara

Sebarang bahagian dalam laporan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk cara, samada dengan cara elektronik, gambar rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit terlebih dahulu

Tarikh penggunaan:

Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri bil 12/2012 bertarikh 10 Disember 2012 dan disahkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri bil 1/2013 bertarikh 10 Januari 2013

Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri bil 2/2025 bertarikh 27 Februari 2025 dan disahkan pada hari sama pindaan ke atas Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar Di Negeri Pulau Pinang

KANDUNGAN

Muka Surat

1. TUJUAN	1
2. DEFINISI DAN KATEGORI PAPAN IKLAN LUAR	1
3. PRINSIP PERANCANGAN	5
4. SKOP GARIS PANDUAN	6
5. GARIS PANDUAN UMUM	6
• Keselamatan Awam	6
• Kualiti Persekutaran	8
• Keselesaan Awam	12
• Kandungan Pengiklanan	13
6. GARIS PANDUAN KHUSUS	17
• <i>Free-Standing Billboard</i>	17
• Iklan Dinding	33
• Iklan Bumbung	33
• <i>Building Wrap</i>	34
• <i>Spectacular Gantry</i>	35
• Iklan Jejambat	35
• <i>Pillar/Column Wrap</i> Pada LRT	36
• <i>Projecting Sign</i>	36
• Iklan Pagar	37
• Iklan Kain Rentang (Poster)	37
• Iklan Mekanikal/ <i>Trivision/Scrolling/Elektronik</i>	37
• Perabot Jalan	38
7. PENUTUP	40
Lampiran	41

1. TUJUAN

Dokumen ini disediakan bagi memandu pemasangan dan kawalan papan iklan luar secara seragam di kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Fungsi garis panduan adalah seperti berikut

- Digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) secara seragam di dalam memproses permohonan bagi pemasangan papan iklan luar di kawasan masing-masing;
- Digunakan oleh agensi yang terlibat khusus Pihak Berkuasa Jalan di dalam menilai sesuatu permohonan bagi pemasangan papan iklan luar; dan
- Membantu industripengiklanan mengetahui kehendak yang perlu dipatuhi di dalam pemasangan papan iklan luar

2. DEFINISI DAN KATEGORI PAPAN IKLAN LUAR

Papan iklan luar merupakan paparan besar yang mengiklankan barang, aktiviti atau perkhidmatan yang tidak semestinya dijual di mana pengiklanan itu ditempatkan

Jenis papan iklan luar adalah seperti berikut:

- *Free-Standing Billboard* - Merupakan paparan iklan bagi barang, aktiviti atau perkhidmatan yang disokong oleh tiang. Kategori ini boleh dipecahkan lagi mengikut saiz iaitu besar, sederhana dan kecil. *Billboard* bersaiz besar kebanyakannya di dalam bentuk Menara Iklan Setiang atau *Unipole* yang ditempatkan di atas satu tiang keluli yang tinggi.



Free-Standing Billboard

Iklan Dinding – Panel untuk paparan iklan yang dipasang pada dinding atau pada satu jarak dari dinding atau iklan yang dilukis pada dinding di sebelah luar bangunan yang tidak mempunyai permukaan terbuka.



Iklan Dinding

- Iklan Bumbung – Paparan iklan yang dipasang pada bumbung bangunan.



- *Building Wrap* – Merupakan kaedah pengiklanan yang paling terkini, ianya dipasang pada saiz yang amat besar pada bangunan tinggi dengan menggunakan bahan *vinyl mesh*.



- *Spectacular Gantry* - Paparan iklan gantri bersaiz besar yang merentangi keseluruhan jalan kebiasaannya 6 lorong atau lebih di lebuh raya.



- Gantri – Paparan iklan yang lebih kecil yang merentangi sebahagian atau keseluruhan jalan yang lebih kecil.



- Jejantas – Paparan iklan yang dipasang pada jejantas laluan pejalan kaki




- Pillar / Column Wrap pada LRT – Paparan iklan yang dipasang pada tiang / pier LRT kebiasaannya secara berderet.




- Iklan Jejambat – Paparan iklan yang dipasang pada jejambat laluan kenderaan atau jambatan.



- Iklan Pagar – Pengiklanan yang dipasang pada pagar sementara untuk tujuan keselamatan semasa pelaksanaan sesuatu projek binaan atau iklan pada pagar yang dipasang bagi menutup sesuatu visual yang kurang menarik.



- *Projecting Sign* – Pengiklanan kebiasaannya bersaiz besar yang dipasang pada permukaan struktur yang diunjurkan dari dinding sesebuah bangunan.



Projecting

- Iklan Mekanikal *Scrolling* – Berasaskan kaedah mekanikal untuk memaparkan beberapa pengiklanan secara berturut yang disusun dalam bentuk bergulung.



Iklan Mekanikal

- Iklan Mekanikal *Trivision* - Berasaskan kaedah mekanikal untuk memaparkan tiga pengiklanan berasingan secara bergilir menggunakan siri *triangular prism*.



Iklan Mekanikal Trivision

- Iklan Elektronik - Dibangunkan dengan paparan digital. Kaedah ini berfungsi sebagai sebuah peti televisyen yang menyiarangkan visual bergerak bagi tujuan pengiklanan



Iklan Elektronik

- Iklan Kain Rentang (*Poster*) – Paparan di atas kain rentang di dalam pelbagai saiz yang di pasang pada sesuatu bangunan atau di atas sesuatu kerangka/bingkai (*frame*).



- Iklan Perabot Jalan – Pengiklanan pada objek atau peralatan yang bina di atas atau berdekatan jalan awam. Elemen perabot jalan ialah tong sampah, lampu, turapan laluan pejalan kaki, perhentian bas, pondok telefon dan lain-lain.



- Iklan Bergerak – Iklan yang dilekatkan pada kenderaan yang bergerak.



3. PRINSIP PERANCANGAN

Pemasangan papan iklan luar hendaklah berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

- **Keselamatan awam** yang sentiasa terjamin melalui pemasangan papan iklan luar yang tidak menghalang penglihatan pejalan kaki dan pemandu kenderaan atau mengacau ganggu kelancaran operasi pemanduan;
- **Kualiti persekitaran** yang kondusif melalui pemasangan papan iklan luar yang tidak mencemarkan visual persekitaran dan tidak menghalang pemandangan tertentu serta menggalakkan pada masa yang sama pemasangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan persekitaran dan keceriaan bandar;
- **Keselesaan awam** yang sentiasa terjamin melalui perletakan papan iklan luar yang tidak memudaratkan penghuni kediaman serta pengguna di kawasan awam; dan
- Paparan imej bersesuaian pada **kandungan iklan** melalui keutamaan di dalam penggunaan Bahasa Melayu serta sentiasa menonjol nilai-nilai sosial, seni, budaya dan warisan masyarakat tempatan.

4. SKOP GARIS PANDUAN

Bagi memenuhi prinsip-prinsip di atas, garis panduan ini merangkumi kawalan papan iklan luar bagi aspek-aspek berikut :

- Perletakan; dan
- Reka bentuk.

Garis panduan ini tidak meliputi papan tanda perniagaan pada premis-premis perniagaan. Bagi kategori ini satu garis panduan berasingan disediakan. Iklan bergerak pada kenderaan perdagangan juga tidak dirangkumkan kerana ianya dibawah bidang kuasa agensi Persekutuan.

Garis panduan ini adalah dokumen sokongan kepada Undang-Undang Kecil Iklan yang disediakan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Rancangan Pemajuan sesuatu PBT iaitu Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas yang disediakan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172). Ianya menyentuh aspek perletakan dan rekabentuk papan iklan luar dan hendaklah digunakan dengan mengambil kira keperluan perundangan selainnya yang berkaitan. Perincian teknikal pemasangan papan iklan luar di rizab lebuh raya/ jalan persekutuan adalah masih tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Pemasangan Papan Iklan Di Dalam Rizab Lebuh Raya/ Jalan Persekutuan oleh Kementerian Kerja Raya yang dibuat di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.

5. GARIS PANDUAN UMUM

Garis panduan umum ini merupakan kawalan am kepada pemasangan papan iklan luar dan menyokong garis panduan khusus bagi setiap jenis papan iklan luar pada bab berikutnya.

Garis panduan umum ini terbahagi kepada 4 aspek iaitu keselamatan awam, kualiti persekitaran, keselesaan awam dan kandungan iklan.

Keselamatan Awam

- Papan iklan luar yang menjadi *traffic hazard* kepada pengguna jalan raya seperti mana ditentukan Pihak Berkuasa Jalan tidak dibenarkan;
- Papan iklan luar yang menghalang atau menganggu pandangan pengguna jalan raya terhadap papan tanda lalu lintas (*traffic sign*) dan peralatan kawalan lalu lintas (*traffic control devices*) tidak dibenarkan;



Perletakan papan iklan luar yang mengganggu pandangan pengguna jalan raya terhadap papan tanda lalu lintas tidak dibenarkan.

Papan iklan luar yang menghalang jarak pemandangan pemandu kenderaan tidak dibenarkan;

Mesej dan reka bentuk kandungan iklan hendaklah jelas dan tidak mengelirukan pemandu kenderaan;

Bilangan perkataan dan grafik yang digunakan hendaklah jelas, terhad, ringkas dan tepat supaya pemandu tidak mengambil masa yang lama untuk membaca mesej yang disampaikan;

Papan iklan luar yang menganggu perhatian pemandu kenderaan dan boleh mendatangkan kekeliruan dengan menggunakan perkataan seperti 'berhenti', 'bahaya' atau apa-apa perkataan, simbol atau warna yang menyerupai mana-mana kandungan

papan tanda atau alat kawalan lalu lintas yang boleh mengelirukan pengguna jalan raya adalah tidak dibenarkan;



Papan iklan yang berwarna menyerupai papan tanda lalu lintas dan digabungkan dengan simbol arah laluan boleh menyebabkan kekeliruan terhadap pengguna jalan raya dan tidak dibenarkan.

Papan iklan luar yang melindungi keberkesanan operasi alat kawalan keselamatan CCTV bagi pengawalan jenayah tidak dibenarkan;

Struktur papan iklan luar yang menghalang laluan awam dan boleh menggugat keselamatan pejalan kaki tidak dibenarkan;



Struktur papan iklan yang menghalang laluan pejalan kaki tidak dibenarkan.

Pemasangan papan iklan luar yang mendatangkan bahaya kepada orang awam dan harta benda dari risiko keruntuhan tidak dibenarkan;



Papan iklan bumbung yang telah rebah akibat angin kencang semasa ribut hujan batu di Petaling Jaya, 2000.

Pemasangan papan iklan luar berlampau yang menyilaukan pandangan dan berbahaya ke tahap yang boleh menghadkan penglihatan pengguna jalan raya dan menjadikan keberkesanan peralatan kawalan lalu lintas khusus pada waktu malam tidak dibenarkan. Kelulusan tahap pencahayaan hendaklah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Jalan/PBT yang berkenaan;

Papan iklan luar tidak dibenarkan menghalang laluan kecemasan semasa kebakaran atau cara-cara untuk menuju ke laluan tersebut serta yang menutup cermin dan tingkat bangunan;

Papan iklan luar tidak boleh dipaut atau disekalikan dengan papan tanda lalu lintas dan isyarat yang menyebabkan kekeliruan terhadap pengguna jalan raya;



Pemasangan papan iklan pada jejantas yang disekalikan dengan papan tanda lalu lintas boleh menimbulkan kekeliruan kepada pengguna jalan raya.

Papan iklan luar tidak dibenarkan ditempatkan di dalam rizab sesuatu infrastruktur (rizab rentis elektrik, rizab sungai dan lain-lain) tanpa mendapat kelulusan agensi yang berkenaan;

Apa-apa peralatan komunikasi yang dipautkan kepada papan iklan hendaklah berpandukan kepada piawaian Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC);


Pencahayaan papan iklan luar hendaklah tidak menyilaukan supaya tidak menjelajah pandangan pemandu atau keberkesanan papan tanda lalu lintas (*traffic signs*) atau peralatan kawalan lalu lintas (*traffic control devices*) pada waktu malam. Tahap pencahayaan yang dibenarkan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Jalan/PBT;

Bahan struktur papan iklan luar hendaklah tahan lama, tidak berkarat dan mampu menampung *wind load* yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Jalan/PBT. Selain menjamin keselamatan, bahan yang berkualiti dapat memastikan visual persekitaran tidak terjejas;

Papan Iklan yang dipasang di dalam rizab dan Transit Aliran Ringan (*Light Rail Transit*)

hendaklah merujuk kepada Jabatan Keretapi Malaysia: dan

Papan iklan luar yang dipasang dalam jarak kurang daripada 500 meter radius dari landasan lapangan terbang perlu merujuk kepada Jabatan Penerbangan Awam yang mengawal sebarang pembinaan struktur serta bangunan tinggi berdekatan lapangan terbang yang mungkin menjadi halangan (*obstacle*) kepada operasi penerbangan.



Illustrasi kawasan kawalan pemasangan papan iklan luar di kawasan lapangan terbang.

Kualiti Persekitaran

Pemasangan papan iklan luar hendaklah teratur dari segi bilangan, saiz dan perletakannya supaya tidak menjelaskan kualiti visual persekitaran;



Pemasangan papan iklan yang tidak teratur di Lebuhraya Utara Selatan menyumbang kepada pencemaran dan keceluaran pandangan (visual clutter).

Papan iklan luar yang berorientasikan kenderaan bergerak laju (*freeway oriented*) dibenarkan di zon guna tanah perdagangan, perindustrian dan pertanian. Walau bagaimanapun di pusat bandar dan pusat perdagangan, perniagaan hanya iklan yang berorientasikan pejalan kaki (*pedestrian oriented*) dibenarkan;

Papan iklan luar yang berorientasikan kenderaan bergerak laju (*freeway oriented*) tidak dibenarkan di dalam zon warisan, zon estetik semulajadi dan koridor *scenic* bagi memelihara sumber ekonomi dari aktiviti pelancongan. Di zon ini, hanya iklan yang berorientasikan pejalan kaki (*pedestrian oriented*) dibenarkan;



Salah satu koridor *scenic* di Lebuh Raya Karak yang tidak dibenarkan bagi pemasangan papan iklan.

Papan iklan luar tidak dibenarkan di laluan protokol yang boleh menjelaskan garisan langit (*skyline*) dan rupa bentuk bandar (*urban form*) yang terhasil dari komponen bangunan dan paras ketinggiannya yang mencorakkan ciri dan imej sebuah bandar;



Perletakan *spectacular gantry* seperti ini mampu menutup garisan langit serta rupa bentuk bandar dan tidak dibenarkan.

Papan iklan luar tidak dibenarkan melindungi bangunan warisan serta bangunan yang mempunyai nilai senibina yang menarik;



Papan iklan di Jalan Tugu yang menutup pandangan dan Bangunan Keretapi Tanah Melayu yang mempunyai nilai senibina warisan yang menarik tidak dibenarkan.

Papan iklan luar tidak dibenarkan melindungi bangunan berkepentingan seperti berikut dari mana-mana sudut:

Tempat ibadat;



Pemasangan papan iklan yang menutup masjid di laluan Lebuhraya Utara Selatan di sekitar Bangi.

Kompleks / bangunan awam seperti muzium, balai polis, hospital, sekolah dan sebagainya;



Pemasangan papan iklan yang melindungi bangunan sekolah dari pandangan awam di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

Bangunan utama seperti istana / rumah kediaman pembesar negeri;

Bangunan mercu tanda (*landmark*) bagi sesuatu kawasan;



Billboard ini menutup pandangan Pasar Siti Khatijah yang merupakan mercu tanda (*landmark*) bagi Bandar Kota Bharu.

Papan iklan luar tidak dibenarkan di dalam bulatan jalan dan *road island* untuk mengutamakan aktiviti landskap / pengindahan bandar;



Pemasangan papan iklan di dalam road island yang boleh menjelaskan landskap kawasan berkenaan.

Papan iklan luar tidak dibenarkan di mana-mana persimpangan supaya tidak menjelaskan keberkesanan peralatan kawalan lalu lintas serta melindungi pelbagai jenis papan tanda lalu lintas/jalan yang boleh mengelirukan dan membahayakan pengguna jalan raya. Persimpangan utama di pusat bandar juga adalah merupakan *termination point* di mana perletakan elemen reka bentuk bandar seperti *artwork*, *water feature* dan sebagainya perlu diutamakan;



Pemasangan papan iklan di persimpangan-persimpangan tiga seperti ini tidak lagi dibenarkan untuk kepentingan awam, ruang-ruang seperti ini lebih elok dioptimumkan untuk tujuan pengindahan bandar.

Papan iklan luar hendaklah pada perkadarannya (*in scale*) yang sesuai dengan kelebaran jalan dan ketinggiannya hendaklah tidak merosakkan keharmonian garisan langit (*skyline*);

Tidak dibenarkan memotong pokok-pokok besar bagi mendirikan papan iklan;

Bagi *free-standing billboard* hanya di benar didirikan di atas 3 tiang dan bukan di dalam bentuk kerangka yang boleh menyumbang kepada kemerosotan visual persekitaran.



Papan iklan yang disokong kerangka tidak dibenarkan kerana ia mencemarkan kualiti visual persekitaran.

Struktur pendawaian pada papan iklan luar hendaklah tersorok supaya tidak menjelas visual persekitaran dan menggugat keselamatan awam;



Pendawaian terbuka pada papan iklan seperti ini tidak akan dibenarkan. Selain mencacatkan pemandangan ia akan menimbulkan isu keselamatan bagi orang awam.

Bagi *free-standing billboard*, paparan dua muka digalakkan bagi mengelak bahagian belakang paparan iklan dari terdedah dan menyumbang kepada kemerosotan visual persekitaran;

Tidak dibenarkan paparan kosong pada papan iklan pada bila-bila masa bagi mengelak pencemaran pandangan. Mesej-mesej kerajaan hendaklah dipasang oleh pemilik struktur sementara menunggu penyewa pengiklanan; dan



Papan iklan dengan paparan kosong perlu diisi dengan iklan bermesej kerajaan dalam tempoh menunggu penyewa pengiklanan.

Tidak dibenarkan iklan yang sudah luput tarikh atau tidak lagi berkaitan dengan perkembangan semasa.

Keselesaan Awam

Pemasangan papan iklan luar yang menyilaukan pandangan dan berbahaya ke tahap yang boleh menimbulkan kacau ganggu serta ketidaksesuaian kepada penghuni-penghuni kediaman tidak dibenarkan;



Papan iklan yang dipasang terlalu dekat di kawasan kediaman menjelaskan keselesaan orang awam akibat pencahayaannya yang menyilaukan.

Papan iklan luar yang menghalang laluan awam dan menggugat keselesaan tidak dibenarkan;



Orang awam tidak dapat menggunakan laluan pejalan kaki dengan selesa kerana struktur papan iklan yang terlalu rendah dan sukar dilalui.

Papan iklan yang dipasang di atas laluan pejalan kaki tidak dibenarkan.

Papan iklan luar tidak boleh menyekat atau menghadang pandangan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, mana-mana papan iklan kepunyaan pihak lain yang dipasang secara sah sebelumnya; dan



Pemasangan papan iklan yang menyekat pemandangan papan iklan di belakangnya.

Kawalan jarak di antara pemasangan papan iklan boleh menghindar dari sesuatu papan iklan menghalang papan iklan yang lain.

Kehijauan kawasan lapang awam hendaklah dimanfaatkan untuk ketenangan orang awam dan papan iklan luar yang boleh menjelaskan tujuan ini tidak dibenarkan.



Papan iklan yang dipasang di kawasan lapang awam menganggu ketenangan orang awam.

Kandungan Pengiklanan

Tema kandungan iklan mestilah bersesuaian dengan barang yang ingin diiklankan. Kandungan yang mengeksploitasi wajah dan tubuh seseorang, khususnya kaum wanita dan tiada kaitan dengan barang yang ingin diiklankan tidak dibenarkan. Unsur-unsur eksploitasi selainnya terhadap golongan lelaki, kanak-kanak dan orang kurang upaya juga tidak dibenarkan;

Kandungan pengiklanan hendaklah jujur, benar dan betul. Ia perlu mengelakkan apa sahaja yang boleh meragukan;

Kandungan mestilah menggalakkan kepada amalan berbudi bahasa dan nilai-nilai murni antara pelbagai lapisan umur dan kaum di Malaysia;

Kandungan mestilah mengambilira sensitiviti masyarakat pelbagai kaum Malaysia tanpa unsur-unsur diskriminasi sosial;

Kandungan yang mengiklankan rokok, arak dan aktiviti yang menjurus kepada perjudian atau perlakuan negatif lain tidak dibenarkan;

Kandungan yang memaparkan gambar wanita atau lelaki dalam pakaian atau aksi yang menjolok mata tidak dibenarkan.



Kandungan papan iklan dinding di kawasan Bukit Bintang Kuala Lumpur ini tidak memaparkan imej dan budaya tempatan.

Kandungan yang memaparkan wajah pelbagai kaum di Malaysia adalah digalakkan;

Kandungan mestilah seiring dengan prinsip-prinsip Rukun Negara dan Dasar Kerajaan;

Kandungan mestilah menggunakan bahasa persuratan yang betul serta bertepatan dengan imej yang dipaparkan;

Menggalakkan kandungan yang bercirikan adat resam dan nilai-nilai murni masyarakat pelbagai kaum di Malaysia;



Papan iklan yang memaparkan wajah-wajah kepelbagaian kaum di Malaysia adalah diwajibkan. Penggunaan corak yang bercirikan warisan negara adalah digalakkan;

Kandungan yang memberi gambaran positif terhadap pelbagai budaya masyarakat Malaysia adalah digalakkan;

Setiap papan iklan hendaklah dalam Bahasa Melayu sama ada dengan sendirinya atau bersama dengan mana-mana bahasa lain. Perkataan dalam Bahasa Melayu hendaklah diberi keutamaan dari segi saiz, warna dan kedudukan perkataan dari bahasa lain. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa lain di atas sebab jenama sesuatu produk adalah dibenarkan;



Tiada penggunaan Bahasa Melayu di dalam pengiklanan tidak dibenarkan.

Penggunaan Bahasa Melayu hendaklah dipastikan betul dan tepat dari segi penggunaan perkataan, susunan ayat, ejaan, tata bahasa dan sebagainya. Penggunaan bahasa yang betul hendaklah dirujuk dan mendapat pengesahan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka;



Papan iklan ini tidak mengambil kira penggunaan Bahasa Melayu dengan tepat dan betul.

Penggunaan bahasa hendaklah sopan dan tidak mempunyai sebarang konotasi negatif;

Paparan wajah warganegara Malaysia diwajibkan dan hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 70% atau lebih di dalam papan iklan;

Pengecualian paparan wajah bukan warganegara Malaysia hanya diberikan kepada iklan tempatan yang mempromosikan pelancongan Malaysia ke negara asing dan juga

kepada syarikat kembara/pelancongan negara asing;

Kandungan yang memberi gambaran persekitaran tempatan adalah digalakkan;

Iklan yang dipaparkan tidak boleh mempromosikan kelajuan. Contoh gambar kenderaan yang memecut dengan laju;

Iklan yang dipaparkan mesti mempamerkan budaya selamat. Contoh gambar penunggang motosikal memakai topi keledar, pemandu kereta memakai tali pinggang keledar dan sebagainya;

Bagi iklan ubat, rawatan perubatan dan fasiliti perubatan serta iklan makanan dan minuman yang terkawal hendaklah dirujuk kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terlebih dahulu;

Bagi iklan racun makhluk perosak hendaklah dirujuk kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terlebih dahulu;

Iklan Institusi Pengajian Tinggi Luar Negara hendaklah dirujuk kepada Kementerian Pendidikan Malaysia terlebih dahulu;

Bagi iklan elektronik adalah tertakluk kepada garis panduan dan tatacara di bawah *Kod Kandungan* di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia;

Kandungan iklan hendaklah menarik dan ringkas iaitu 85% grafik dan 15% perkataan supaya tidak menjelaskan kelancaran memandu di atas jalan raya;



Contoh papan iklan dinding yang menarik dan ringkas dengan kandungan 85% grafik dan 15% perkataan.

Iklan tidak boleh menggunakan simbol dan warna yang seakan-akan menyerupai papan tanda lalu lintas bagi mengelak kekeliruan semasa memandu; dan

Saiz huruf dan penggunaan warna di dalam iklan hendaklah bersesuaian.

KATEGORI PAPAN IKLAN LUAR	DIBENARKAN DENGAN KAWALAN	TIDAK DIBENARKAN	PENERANGAN
1 <i>Free-Standing Billboard</i>	✓		Dikategorikan di dalam 3 saiz iaitu besar, sederhana dan kecil. Dibenarkan dipasang mengikut hierarki jalan dan zon guna tanah.
2 Iklan Dinding	✓		Dibenarkan pada dinding yang tiada permukaan terbuka dan pada struktur yang dijarakkan dari dinding.
3 Iklan Bumbung	✓		Dibenarkan pada bumbung yang telah ada <i>in-built structure</i> dan yang boleh kompromi dengan <i>rooftscape</i> persekitaran.
4 <i>Building Wrap</i>	✓		Dibenarkan sekiranya menggunakan bahan yang membolehkan pengudaraan dan pencahayaan bangunan seperti yang disyaratkan pada UBBL.
5 <i>Spectacular Gantry</i>	✓		Dibenarkan sekiranya tidak menutup garisan langit dan rupa bentuk bandar serta berada di luar koridor <i>scenic</i> . Mesej-mesej kerajaan dibenarkan dipasang pada tempoh-tempoh tertentu.
6 Gantri		✓	Tidak dibenarkan dipasang iklan kecuali papan tanda lalu lintas dan mesej kerajaan.
7 Iklan Jejantas	✓		Dibenarkan dengan bersyarat supaya keselamatan pengguna jejantas diambil kira.
8 Iklan Jejambat	✓		Dibenarkan sekiranya tidak menutup garisan langit dan rupa bentuk bandar.
9 <i>Pillar/Column Wrap Pada LRT</i>	✓		Dibenarkan sekiranya kandungan iklan ringkas dan menarik dan tidak menjelas keberkesanan peralatan kawalan lalu lintas serta melindungi papan tanda lalu lintas. Dibina pada struktur yang dijarakkan dari tiang.
10 Iklan Pagar	✓		Digalakkan bagi menutup visual tertentu.
11 <i>Projecting Sign</i>	✓		Dibenarkan sekiranya kandungan iklan ringkas dan menarik.
12 Iklan Kain Rentang (Poster)	✓		Dibenarkan di kawasan berorientasikan pejalan kaki.
13 Iklan Mekanikal <i>Trivision</i>	✓		Digalakkan kerana dapat mengoptimumkan ruang.
14 Iklan Mekanikal <i>Scrolling</i>	✓		Digalakkan kerana dapat mengoptimumkan ruang.
15 Iklan Elektronik	✓		Digalakkan kerana dapat mengoptimumkan ruang.
16 Iklan Perabot Jalan	✓		Digalakkan di kawasan pusat perdagangan dan institusi yang berorientasikan pejalan kaki.
17 Iklan Bergerak	-	-	Di bawah bidang kuasa agensi Persekutuan
18 Iklan 3D	✓		Dibenarkan dengan mengambil kira keselamatan pengguna.

6. GARIS PANDUAN KHUSUS

Free-Standing Billboard Billboard bersaiz besar


a. Dimensi, Had Keluasan dan Ketinggian Dibenarkan

Dimensi papan iklan yang dibenarkan secara melintang adalah berukuran 18 meter x 6 meter (60 kaki x 20 kaki) atau 12 meter x 9 meter (40 kaki x 30 kaki) dengan keluasan 108 meter persegi (1,200 kaki persegi). Ketinggian yang dibenarkan adalah 18 meter (60 kaki). Ketinggian lebih daripada 18 meter (60 kaki) perlu mendapat kebenaran khas oleh PBT.

Bagi Billboard secara menegak, ketinggian dikekalkan pada 18 meter (60 kaki) dan dimensi yang dibenarkan adalah 9 meter x 12 meter (30 kaki x 40 kaki) bagi memperolehi perseimbangan perkadaran.


Kebenaran khas dari PBT juga akan di rujuk kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) atau Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) untuk kelulusan. Oleh itu, pemohon harus mendapatkan ulasan dari pihak yang telibat untuk diberi kebenaran khas oleh PBT.

(ii). Menegak




b. Kaedah Kiraan Ketinggian Billboard

Ketinggian *billboard* adalah dikira daripada permukaan jalan (*at grade*) di mana iklan itu didirikan seperti rajah berikut:



(i). Melintang



c. Ruang Tambahan 20%

Ruang tambahan sebanyak 20% bagi tujuan mesej Kerajaan Negeri dan tambahan 5% bagi tujuan embellishment sekiranya perlu dengan panjang keluasan mesej sama dengan panjang iklan;




d. Jarak Di Antara Billboard Bersaiz Besar

Billboard bersaiz besar hanya dibenarkan di sepanjang Jalan Pengagih Utama (Lebuh Raya dan Jalan Persekutuan) yang menampung had kelajuan yang tinggi iaitu melebihi 80 sehingga 100 kilometer/jam. Jarak di antara billboard perlulah 500 meter selari dengan lebuh raya. Bagi kelajuan yang kurang dari 80 kilometer/jam, jarak antara billboard besar adalah 200 meter.

Jarak di antara Billboard bersaiz sederhana perlulah 50 meter. Walau bagaimanapun jarak Billboard bersaiz sederhana dengan Billboard bersaiz besar ialah 100 meter.


Billboard bersaiz besar dibenarkan di jalan negeri dan persekutuan dengan kebenaran dan kelulusan khas daripada Pihak Berkuasa Tempatan.



e. Anjakan (setback) Billboard di Jalan Pengagih Utama Dengan Kelajuan melebihi 80 Sehingga 100 Kilometer/jam.

Semakin tinggi had kelajuan jalan, ruang clear zone sebagaimana yang ditentukan oleh Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS) hendaklah lebih lebar bagi mengelak impak serius apabila terjadi kemalangan yang melibatkan kenderaan terbabas. Dengan demikian, billboard di sepanjang Jalan Pengagih Utama yang menampung kelajuan melebihi 80 sehingga 100 kilometer/jam boleh dibenarkan pada ruang anjakan yang memenuhi syarat-syarat berikut:


- i. Berada pada jarak 3 meter (10 kaki) daripada penghujung struktur papan iklan ke bahu jalan atau rel penghadang supaya ia itu tidak memasuki ruang udara jalan;
- ii. Tidak boleh memasuki ruang udara tanah bersebelahan;



f. Paparan Billboard Besar

Maksimum 3 paparan dengan keluasan 1,200 kaki persegi (20 kaki x 60 kaki) bagi setiap paparan.

Bagi pemasangan iklan sebegini, hanya kandungan iklan yang jelas dan ringkas sahaja dibenarkan supaya tidak menjelaskan penumpuan pemandu. Didapati penumpuan pemandu berkurangan apabila kelajuan memandu meningkat. Pada kelajuan 100 kilometer/jam, pemandu hanya boleh melihat secara jelas selama 15 saat sahaja.




Billboard bersaiz besar tidak dibenarkan pada jarak 15 meter / 50 kaki sebelum mana-mana persimpangan bertingkat.

Medan Pandangan Pemandu Mengikut Kelajuan




Sumber : Advertising Signs and Road Safety: Design and Location Guidelines RTS7, New Zealand




g. Jarak Billboard Di Persimpangan

Billboard bersaiz besar tidak dibenarkan pada jarak 15 meter / 50 kaki sebelum mana-mana persimpangan mendatar (at grade).

Billboard tidak dibenarkan pada jarak 15 meter / 50 kaki sebelum kawasan Rehat dan Rawat atau Hentian Sebelah;




Billboard boleh dipasang di dalam *loop* di persimpangan bertingkat dengan kelulusan khas dari Audit Keselamatan Jalan seperti contoh rajah berikut;



h. Jarak antara Billboard dengan Papan Tanda Lalu Lintas

Billboard dilarang diletakkan di dalam jarak 300 meter (984 kaki) sebelum dan 100 meter (328 kaki) selepas satu-satu papan tanda lalu lintas (*traffic signs*).



Billboard bersaiz besar dibenarkan di zon guna tanah pertanian perindustrian. Di zon perdagangan, ianya dibenarkan dalam keadaan tertentu seperti tidak menutup garisan langit dan rupa bentuk bandar serta pandangan tertentu seperti bangunan warisan, bangunan kerajaan, bangunan bercirikan senibina menarik dan mercu tanda sesuatu kawasan; dan

Billboard bersaiz besar tidak dibenarkan sama sekali di zon warisan (zon teras), pusat perdagangan, kawasan taman awam serta koridor scenic sepanjang lebuh raya dan jalan protokol. Anjakan dari kediaman terdekat ialah 18 meter (60 kaki) sekiranya tidak menghalang pandangan ke luar penghuni rumah dan mana-mana kawasan warisan dan taman awam sebanyak 18 (60 kaki) seperti jadual berikut;

f. Perletakan *Billboard* Bersaiz Besar Di Dalam Zon Guna Tanah

ZON GUNA TANAH	KESESUAIAN PEMBANGUNAN	NOTA
<ul style="list-style-type: none"> • Zon Pertanian • Zon Perindustrian 	Dibenarkan	-
<ul style="list-style-type: none"> • Zon Perdagangan (hanya di sepanjang laluan Lebuh Raya dan Jalan Persekutuan melebihi 80 - 100 km/j) 	Dibenarkan Dengan Kawalan	<p>Dibenarkan sekiranya TIDAK:</p> <ol style="list-style-type: none"> Menutup garis langit dan reka bentuk bandar atau pemandangan tertentu Menutup bangunan warisan Menutup bangunan kerajaan Menutup bangunan berciri senibina menarik Menutup tanda tempat mercu tanda sesuatu kawasan Dipasang di Jalan Protokol Melibatkan pemotongan pokok-pokok besar dan menjelas program-program landskap sepanjang jalan.
<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Perdagangan (CBD) termasuk kawasan perdagangan kejiranan • Zon Kediaman • Zon Institusi • Kawasan Taman Awam 	Dibenarkan Dengan Kawalan	<p>Anjakan dari penghujung struktur papan iklan ke:</p> <ol style="list-style-type: none"> Kediaman terdekat = 18 meter (60 kaki) (Dengan syarat tidak menutup pandangan ke luar penghuni kediaman) Taman Awam = 18 meter (60 kaki)


ZON GUNA TANAH	KESESUAIAN PEMBANGUNAN	NOTA
<ul style="list-style-type: none"> • Zon Warisan <ol style="list-style-type: none"> 1. Zon Teras 2. Zon Penampang 	<p>Tidak dibenarkan</p> <p>Dibenarkan Dengan Kawalan</p>	<p>-</p> <p>Tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuaasa Tempatan</p>

Billboard bersaiz sederhana

a. Dimensi, Had Keluasan dan Ketinggian Dibenarkan


- i. Di Jalan Arteri dengan kelajuan melebihi 60 sehingga 80 kilometer/jam.

Dimensi papan iklan secara melintang yang dibenarkan hendaklah berukuran 12 meter x 3 meter (40 kaki x 10 kaki) dengan keluasan 36 meter persegi (400 kaki persegi) dan ketinggian maksimum 12 meter (40 kaki).




Saiz dibenarkan tidak melebihi 600 kaki persegi (Maksimum 45 kaki panjang atau tinggi) bagi Pengagih Tempatan dan Daerah ; Had kelajuan 65km/j atau lebih rendah ($\leq 65\text{km/j}$).

(i) Melintang




(ii) Menegak



Ketinggian di antara 12 meter (40 kaki) yang dibenarkan bagi *billboard* bersaiz sederhana adalah kerana bersesuaian dengan ketinggian rumah kedai dua tingkat di sekitar bandar.


b. Ruang Tambahan 20 %

Ruang tambahan sebanyak 20% bagi tujuan mesej Kerajaan Negeri dan tambahan 5% bagi tujuan *embellishment* sekiranya perlu dengan panjang kluasan mesej sama dengan panjang iklan;



- Billboard ke billboard = 50m.
- Traffic/Road Sign ke Billboard = 100m.
- 'Side by Side' Billboard = Mengikut kesesuaian.


d. Jarak Di Antara Billboard Bersaiz Sederhana Dengan Billboard Bersaiz Besar



c. Jarak di antara Billboard bersaiz sederhana

Jarak di antara Billboard bersaiz sederhana perlulah 50 meter. Walau bagaimanapun jarak Billboard bersaiz sederhana dengan Billboard bersaiz besar ialah 100 meter.


Jarak Billboard Bersaiz Sederhana



e. Anjakan Billboard


Anjakan Billboard bersaiz sederhana bagi jalan yang menampung kelajuan melebihi 40 sehingga 80 kilometer/jam hendaklah;

- Berada pada jarak 3 meter (10 kaki) daripada penghujung struktur papan iklan ke bahu jalan atau rel penghadang supaya ianya tidak memasuki ruang udara jalan;
- Tiang tidak boleh diletakkan di ruang pejalan kaki; dan
- Tidak boleh memasuki ruang udara tanah bersebelahan.




Pemasangan tidak dibenarkan pada kedudukan 50 kaki di sekitar kawasan persimpangan. Walaubagaimana pun perletakan Billboard di persimpangan adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan PBT.

Simpang Tiga



Simpang Empat



Jenis Persimpangan	Jarak
Simpang Tiga	50 kaki
Simpang Empat	50 kaki
Simpang Roundabout "four arm"	50 kaki
Simpang Roundabout "two arm"	10 kaki/50 kaki
Slip Road	10 kaki

Papan Iklan Luar tidak dibenarkan di persimpangan tiga dan empat kecuali papan tanda lalu lintas.

Billboard bersaiz sederhana dibenarkan di zon guna tanah pertanian dan perindustrian. Di zon perdagangan, ianya dibenarkan dalam keadaan tertentu seperti tidak menutup pandangan tertentu seperti bangunan warisan, bangunan kerajaan, bangunan berciri senibina menarik, mercu tanda sesuatu kawasan serta kawasan berlandskap menarik.

Ianya tidak dibenarkan sama sekali di zon warisan, pusat perdagangan yang berorientasi pejalan kaki, kawasan kediaman, kawasan taman awam dan *corridor scenic* sepanjang jalan dan di jalan dan di jalan protokol. Anjakan dari kediaman terdekat ialah 61 meter (200 kaki) dan dari mana-mana kawasan warisan dan taman awam sebanyak 305 meter (1,000 kaki).

f. Perletakan Billboard Bersaiz Sederhana Di Dalam Zon Guna Tanah

ZON GUNA TANAH	KESESUAIAN PEMBANGUNAN	NOTA									
<ul style="list-style-type: none"> • Zon Pertanian • Zon Perindustrian 	Dibenarkan	-									
<ul style="list-style-type: none"> • Zon Perdagangan (di sepanjang Jalan Arteri, Pengagih Utama, Pengagih Daerah, dan Pengagih Tempatan melebihi 40 – 80 km/j) 	Dibenarkan Dengan Kawalan	<p>Dibenarkan sekiranya TIDAK :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menutup garis langit dan reka bentuk Bandar atau pemandangan tertentu ii. Menutup bangunan warisan iii. Menutup bangunan kerajaan iv. Menutup bangunan berciri senibina menarik v. Menutup mercu tanda sesuatu kawasan vi. Menutup program-program ladskap Bandar atau yang memerlukan pokok-pokok besar ditebang vii. Dipasang di sepanjang koridor <i>scenic</i> sesuatu kawasan viii. Dipasang di Jalan Protokol 									
<ul style="list-style-type: none"> • Zon Warisan • Pusat Perdagangan (CBD) termasuk kawasan perdagangan kejiranian • Zon Kediaman • Zon Institusi • Kawasan Taman Awam 	TIDAK dibenarkan	<p>Anjakan dari penghujung struktur papan iklan:</p> <table> <tr> <td>i.</td> <td>Kediaman terdekat</td> <td>60m (200')</td> </tr> <tr> <td>ii.</td> <td>Kawasan Warisan (termasuk zon penampang warisan)</td> <td>300m (1,000')</td> </tr> <tr> <td>iii.</td> <td>Taman awam</td> <td>300m (1,000')</td> </tr> </table>	i.	Kediaman terdekat	60m (200')	ii.	Kawasan Warisan (termasuk zon penampang warisan)	300m (1,000')	iii.	Taman awam	300m (1,000')
i.	Kediaman terdekat	60m (200')									
ii.	Kawasan Warisan (termasuk zon penampang warisan)	300m (1,000')									
iii.	Taman awam	300m (1,000')									


Billboard bersaiz kecil

Dimensi had keluasan paparan iklan secara melintang yang dibenarkan hendaklah berukuran 3.7 meter x 2.4 meter (12 kaki x 8 kaki) manakala paparan iklan secara menegak hendaklah berukuran 3 meter x 2.9 meter (10 kaki x 9.6 kaki) dengan keluasan 8.92 meter persegi (96 kaki persegi)


Hanya pemasangan *billboard* bersaiz kecil sahaja dibenarkan di Jalan Akses yang menampung kelajuan 32 hingga 40 kilometer/jam dan di kawasan pusat perdagangan (*Central Business District*);

Jarak yang dibenarkan di antaranya adalah 15 meter. Walau bagaimanapun ini adalah tertakluk kepada kesesuaian tempat dan pertimbangan Pihak Berkuasa Jalan/Pihak Berkuasa Tempatan;

Jarak di antara *billboard* bersaiz kecil adalah 15 meter.



Jarak di antara *billboard* bersaiz kecil dan *billboard* bersaiz sederhana keatas (besar) 25 meter.




Tidak dibenarkan di kawasan warisan, taman awam, kawasan institusi dan kemudahan masyarakat;

Anjakan Billboard

Pemasangannya tidak dibenarkan pada kedudukan 50 kaki disekitar kawasan persimpangan. Walaubagaimanapun perletakan Billboard di persimpangan adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan PBT.

Simpang Tiga




Dibenarkan dipasang di kawasan pusat perdagangan (CBD) tetapi bagi kawasan siar kaki, hanya pengiklanan dalam bentuk perabot jalan sahaja dibenarkan;

Bagi jalan siar kaki dengan kelajuan kurang 32 kilometer/jam hanya pengiklanan dalam bentuk perabot jalan sahaja dibenarkan. Reka bentuk perabot jalan hendaklah unik, menarik dan harmoni dengan persekitaran serta menekankan aspek keselamatan; dan

Pada kelajuan yang rendah iaitu kurang 40 kilometer/jam, anjakan pada jarak 3m (10') daripada penghujung struktur papan iklan ke penghujung laluan pejalan kaki adalah sesuai supaya tidak menjelaskan kelancaran penggunaan laluan awam dan keharmonian persekitaran pejalan kaki seperti rajah berikutnya:

Anjakan (*setback*) billboard bersaiz kecil bagi jalan dengan kelajuan kurang 40 kilometer/jam.



* Berada pada jarak 3m (10') daripada penghujung struktur papan iklan ke penghujung laluan pejalan kaki.

Ringkasan kawalan *Free-Standing Billboard* dari segi saiz, ketinggian dan perletakan adalah seperti jadual berikutnya:

Perletakan Billboard besar & sederhana di atas rezab sungai perlulah 6 meter dari tebing sungai.

Perletakan *Billboard* besar, sederhana dan kecil di atas rezab sungai adalah mengikut kesesuaian Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) dan perlu mendapat surat sokongan dari JPS.

Perletakan kawalan Free-Standing Billboard dari segi saiz, ketinggian dan perletakan adalah seperti berikut:

Hierarki Jalan	Saiz Jalan	Had Laju	Jenis Paparan Iklan Dibenarkan	Jarak Antara Papan Iklan	Arjakan Dari Bahru Jalan Rel Penghadangan	Jarak Dari Persimpangan Jalan	Zon Guna Tanah	
							Yang dilibenarkan	Yang Tidak dilibenarkan
Pengagih Utama (<i>Primary Distributor</i>)	Lebuh Raya (Express way)	60m (197')	100 km/j	Billboard Bersaiz Besar Saiz = 108 mp (1,200kp) = 18m x 6m (60'x20') (melintang) 9m x 12m (30'x40') (menegak) Ketinggian = 18m (60')	500 m	- dari hujung struktur iklan = 3m (10') - dari tiang iklan = 9m (30')	15	- Zon Pertanian - Zon Perindustrian
Jalan Persekutuan (<i>National Highway</i>)	60m (197') 50m (164') 40m (130')	100 km/j	Billboard Bersaiz Besar Saiz = 108 mp (1,200 kp) 18m x 6m (60'x20') (melintang) 9m x 12m (30'x40') (menegak) Ketinggian = 18m (60')	500 m	- dari hujung struktur iklan = 3m (10') - dari tiang iklan = 9m (30')	15 m	<ul style="list-style-type: none"> - Zon Warisan - Pusat Perdagangan (CBD) termasuk kawasan perdagangan kejiranan - Zon Kediaman - Zon Institusi - Kawasan Taman Awam Anjakan dari: <ul style="list-style-type: none"> i. Kediaman Terdekat = 60m (200') (dengan syarat tidak menutup pandangan ke luar penghuni kediaman) ii. Kawasan Warisan = 300m (1000') (termasuk zon penampang) i. Menutup garis langit reka bentuk bandar ataupemandangan tertentu; ii. Menutup bangunan warisan; iii. Menutup bangunan kerajaan; iv. Menutup bangunan berciri senibina menarik; v. Menutup mercu tanda sesuatu kawasan; 	

					iii. Taman Awam = 300m (1000')	vi. Menutup program- program landskap bandar atau yang memerlukan pokok- pokok besar ditebang; vii. Di pasang di sepanjang Koridor Scenic di Lebuh raya/Jalan Utama; dan vii. Di pasang di Jalan Protokol.
Jalan Arteri (Arterial Street)	30m (100') 24m (80')	80 km/j	Billboard Bersaiz Sederhana Saiz = 36 mp (400 kp) = 12m×3m (40'×10')(melintang) Ketinggian = 12m (40')	50 m - dari hujung struktur iklan = 3m (10') - dari tiang iklan = 9m (30')	- Zon Pertanian - Zon Perindustrian	Zon Perdagangan (di sepanjang Jalan Arteri, Pengagih Utama, Pengagih Daerah dan Pengagih Tempatan melebihi 40-80km/j dengan syarat TIDAK: i) Menutup garis langit dan reka bentuk bandar atau pemandangan tertentu;
Pengagih Daerah (District Distributor)	20m (66')	60 km/j	Billboard Bersaiz Sederhana Saiz = 36 mp (400 kp) = 12m×3m (40'×10')(melintang) = 6m×6m (20'×20')(menegak) Ketinggian= 9m-11m (30'-36')	50 m - dari hujung struktur iklan = 3m (10') - dari tiang iklan = 7m (23') - dari aluan pejalan kaki = 6m (20')	15 m	ii) Menutup bangunan warisan; iii) Menutup bangunan kerajaan; iv) Menutup

Pengagih Tempatan <i>(Local Distributor)</i>	15m (50")	50 km/j	Billboard Bersaiz Sederhana Saiz = 36 mp (400 kp)	50 m	- dari hujung struktur iklan = 3m (10") - dari tiang iklan = 7m (23") - dari laluan pejalan kaki = 6m (20")	15 m	<p>bangunan berciri senibina menarik;</p> <p>v) Menutup mercu tanda sesuatu kawasan;</p> <p>vi) Menutup program-program landskap bandar atau yang memerlukan pokok-pokok besar ditebang.</p> <p>vii) Di pasang di sepanjang Koridor Scenic sesuatu kawasan; dan</p> <p>viii) Di pasang di Jalan Protokol.</p> <p>- Zon Kediaman</p> <p>- Zon Institusi</p> <p>- Kawasan Taman Awam Anjakan dari:</p> <p>i) Kediaman Terdekat = 60m (200') (dengan syarat tidak menutup pandangan ke luar penghuni kediaman)</p> <p>ii) Kawasan</p>

Jalan Akses (Access Road)	12m (40')	40 km/j	<i>Billboard Bersaiz Kecil Saiz = 9 mp (96 kp) Ketinggian = 3.6m (12')</i>	15 m <i>dari laluan pejalan kaki = 3m (10')</i>	50' <i>-Zon Pertanian - Zon Perindustrian - Zon Perdagangan</i>	<i>- Zon Warisan - Zon Kediaman - Zon Institusi - Kawasan Taman</i>	<i>Anjakan dari:</i> <i>i. Kediaman Terdekat = 60m (200') ii. Kawasan Warisan = 300m (1000') iii. Tamam Awam = 300m (1000') iv) Menutup mercu tanda sesuatu kawasan; dan v) Menutup program-program landskap bandar.</i>	Warisan = 300m (1000') (termasuk zon penampang) iii) Taman Awam = 300m (1000')
Siarkaki (Pedestrian Street)	10m (33')	32km/j	Hanya pengiklanan dalam bentuk perabot jalan dibenarkan.	-	-	-	-	

Iklan Dinding

Lebih digalakkan dari *Free-Standing Billboard* kerana tidak menutup elemen-elemen bandar;

Bagi iklan dinding berstruktur, dibenarkan hanya pada dinding perdagangan yang tidak mempunyai permukaan terbuka seperti tingkap, balkoni, lubang pengudaraan semula jadi atau mekanikal dan pintu;

Keluasan maksimum iklan yang dibenarkan adalah 90% dari keluasan dinding dan tidak dibenarkan sama sekali terkeluar atau terlebih daripada perimeter dinding bangunan. Hanya satu pengiklanan dibenarkan;

Perletakan iklan yang seimbang pada dinding bangunan sahaja dibenarkan dan bukan di sudut-sudut bangunan;

Iklan hendaklah dipasang pada struktur kerangka yang diunjurkan keluar tidak melebihi 1.5 meter (5 kaki) dari dinding dan perlu mendapat pengesahan Jurutera Professional. Papan iklan terjulur hendalah pada paras ketinggian iklan adalah 16 kaki dari paras jalan/tanah;

Keutamaan kawalan adalah ke atas kandungan iklan dan pencahayaan supaya selaras dengan matlamat mempertingkatkan keceriaan pusat bandar dan pencahayaan pada waktu malam;

Kandungan iklan hendaklah ringkas dan menarik. Bagi iklan dinding di laluan-laluan berkelajuan tinggi, grafik pada satu-satu iklan ialah sebanyak 85% dan selebihnya 15% dalam bentuk teks/logo supaya tidak menganggu atau mengalih penumpuan pemandu kenderaan;

Tidak dibenarkan kategori pengiklanan selainnya dipasang berdekatan. Bagi iklan yang dipasang di sepanjang jalan yang menampung kelajuan melebihi 80 sehingga 100 kilometer/jam, jarak dengan pengiklanan selainnya adalah 1 kilometer dan bagi yang menampung kelajuan melebihi 40 sehingga 80

kilometer/jam, jarak dengan pengiklanan selainnya adalah 0.5 kilometer;

Tidak dibenarkan di kawasan yang merupakan *traffic hazard* kepada pengguna jalanraya mengikut Pihak Berkuasa Jalan/PBT seperti yang melibatkan selekoh berbahaya.



Iklan yang mampu menutup cela pada dinding bangunan yang buruk dan yang demikian meningkatkan kualiti persekitaran adalah digalakkan. Dinding bangunan yang buruk hendaklah terlebih dahulu di cat; dan

Kategori pengiklanan selainnya seperti *Free-Standing Billboard* tidak dibenarkan berada berdekatan bagi mengelak kecelaruan pandangan (*clutter*).


Iklan Bumbung

Keadaan di mana iklan bumbung dibenarkan adalah seperti berikut;

- Pada bangunan sesebuah yang telah mempunyai struktur khas yang telah dibina bagi tujuan menampung paparan iklan (*in-built structure*);
- Papan iklan direka bentuk secara menarik dan boleh kompromi dengan *roofscape* di kawasan persekitaran; dan
- Perlu mendapat pengesahan Jurutera Profesional.

Keutamaan kawalan adalah ke atas kandungan iklan dan pencahayaan supaya selaras dengan matlamat mempertingkatkan keceriaan pusat bandar dan pencahayaan pada waktu malam.

Iklan bumbung yang disokong dengan kerangka terbuka tidak dibenarkan sama sekali; dan



Kategori pengiklanan selainnya tidak dibenarkan berada berdekatan bagi mengelak kecelaruan pandangan (*clutter*).

Building Wrap

Dibenarkan hanya pada bangunan perdagangan;

Iklan pada fasad bangunan hendaklah mematuhi keperluan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984:

- Bahan yang digunakan perlu memastikan 30% kemasukan cahaya dan udara semula jadi; dan
- Tidak menghadkan bukaan pada bangunan bagi laluan semasa kecemasan dan tidak menghadkan pandangan ke luar.

Keutamaan kawalan adalah ke atas kandungan iklan dan pencahayaan supaya selaras dengan matlamat mempertingkatkan keceriaan pusat bandar dan pencahayaan pada waktu malam;



Iklan building wrap perlu menggunakan bahan yang membenarkan kemasukan cahaya dan udara semulajadi serta tidak menghadkan bukaan pada bangunan.

Kandungan iklan hendaklah ringkas dan menarik. Grafik pada satu-satu iklan ialah sebanyak 85% dan selebihnya 15% dalam bentuk teks/logo supaya tidak mengganggu atau mengalih penumpuan pemandu kenderaan; dan

Tidak dibenarkan *clutter* di mana kategori pengiklanan selainnya seperti *Free-Standing Billboard* dilarang dipasang secara berdekatan. Bagi iklan yang dipasang di sepanjang jalan yang menampung kelajuan melebihi 80 sehingga 100 kilometer/jam, jarak dengan pengiklanan selainnya adalah 1 kilometer dan bagi yang menampung kelajuan melebihi 40 sehingga 80 kilometer/jam, jarak dengan pengiklanan selainnya adalah 0.5 kilometer.

Spectacular Gantry

Dibenarkan di luar kawasan bandar supaya tidak menjelaskan rupa bentuk dan garis langit bandar sama ada yang sedia ada atau masa hadapan;

Kategori pengiklanan selainnya tidak dibenarkan berada berdekatan bagi mengelak kecelaranan pandangan (*clutter*). Bagi iklan yang dipasang di sepanjang jalan yang menampung kelajuan melebihi 80 sehingga 100 kilometer/jam, jarak dengan pengiklanan selainnya adalah 1 kilometer dan bagi yang menampung kelajuan melebihi 40 sehingga 80 kilometer/jam, jarak dengan pengiklanan selainnya adalah 0.5 kilometer ;

Tidak dibenarkan berada di dalam koridor *scenic* yang dikenal pasti;

Tidak boleh dibenarkan dalam jarak 300 meter (984 kaki) sebelum dan 100 meter (328 kaki) selepas satu-satu papan tanda lalu lintas; dan

Anjakan dari tiang struktur iklan ke bahu jalan bagi jalan berkelajuan 80 kilometer/jam ke atas adalah 9 meter (30 kaki) manakala bagi jalan yang berkelajuan 40 sehingga 80 kilometer/jam adalah 7 meter (23 kaki). Binaan struktur perlu mendapat pengesahan Jurutera *Professional*.



Spectacular Gantry di Lebuh Raya Kuala Lumpur Seremban yang menjas rupa bentuk garisan langit bandar.

Iklan Jejambat

Iklan tidak dibenarkan mengunjur keluar dari struktur jejambat di dalam kawasan bandar supaya tidak menutup garisan langit dan rupa bentuk bandar;

Kategori pengiklanan selainnya tidak dibenarkan berada berdekatan bagi mengelak kecelaranan pandangan (*clutter*);

Iklan tidak boleh dipasang sekiranya terdapat papan tanda lalu lintas di pasang pada jejambat;

Tidak boleh dibenarkan dalam jarak 300 meter (984 kaki) sebelum 100 meter (328 kaki) selepas satu-satu tanda lalu lintas;



Papan iklan jejambat yang diletakkan berdekatan dengan papan tanda lalu lintas (traffic sign) menyukarkan pengguna untuk membaca papan tanda lalu lintas.

Iklan hanya boleh dipasang pada jejambat yang terletak secara sejajar (*perpendicular*) merentangi jalan dan tidak pada jejambat yang menyerong; dan



Papan iklan jejambat yang dipasang secara menyerong memberi gangguan serta membahayakan pengguna jalan raya dan tidak dibenarkan.

Hanya satu pengiklanan sahaja yang dibenarkan dipasang pada setiap sisi jejambat. Papan iklan tidak boleh menutupi rel penghadang dan ruang lega (clearance) 18 kaki. Perlu mendapat pengesahan Jurutera Profesional.

Pillar / Column Wrap Pada LRT / Jejambat

Kategori pengiklanan selainnya tidak dibenarkan berada berdekatan bagi mengelak keceluaran pandangan (*clutter*);

Kandungan iklan hendaklah yang ringkas dan menarik. Grafik pada satu-satu iklan ialah sebanyak 85% dan selebihnya 15% dalam bentuk teks/logo supaya tidak menganggu atau mengalih penumpuan pemandu kenderaan;

Dibenarkan dipasang pada 2 bahagian tiang sahaja atau dalam bentuk yang membolehkan apa - apa kerosakan / keretakan pada tiang LRT / Jejambat dapat diketahui;

Tidak dibenarkan di kawasan yang merupakan *traffic hazard* kepada pengguna jalan raya mengikut Pihak Berkuasa Jalan/PBT seperti yang melibatkan selekoh bahaya; dan

Pencahayaan iklan pada waktu malam tidak dibenarkan menyilau dan menjegas kelancaran memandu dan keberkesanan peralatan kawalan lalu lintas.



Iklan Pillar/Column Wrap Pada LRT di kawasan Bukit Bintang ini adalah menarik dan mampu menyumbang kepada keceriaan bandar. Walau bagaimanapun pencahayaannya pada waktu malam hendaklah tidak menyilau dan menjegas keberkesanan peralatan kawalan lalu lintas.

Projecting Sign

Kategori pengiklanan selainnya tidak dibenarkan berada berdekatan bagi mengelak keceluaran pandangan (*clutter*);

Hanya dibenarkan pada bangunan yang telah mempunyai struktur khas yang telah dibina bagi tujuan paparan iklan. Bagi struktur paparan iklan yang dibina secara berturut hanya satu tema pengiklanan sahaja dibenarkan;

Keutamaan kawalan adalah ke atas kandungan iklan. Kandungan iklan hendaklah ringkas dan menarik. Grafik pada satu-satu iklan ialah sebanyak 85% dan selebihnya 15% dalam bentuk teks/logo supaya tidak menganggu atau mengalih penumpuan pemandu kenderaan; dan

Tidak boleh dipasang sekiranya berada dalam jarak kurang 300 meter (984 kaki) sebelum dan tidak kurang dari 100 meter (328 kaki) selepas satu-satu tanda lalu lintas.



Paparan iklan hendaklah mengambil kira aspek keselamatan awam dari segi peletakannya dan ruang kelegaan 5 meter (16 kaki) dari aras jalan mengikut pematuhan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984, hendaklah dipastikan.

Iklan Pagar

Pengiklanan yang dipasang pada pagar-pagar sementara bagi menutup sesuatu visual yang kurang menarik adalah digalakkan; dan

Kandungan iklan hendaklah ringkas dan menarik dan tidak menjelaskan keberkesanan papan tanda lalu lintas.

Iklan Kain Rentang (Banner)

Dibenarkan sekiranya digantung dengan kemas pada bangunan perdagangan dan bingkai yang disediakan PBT;

Bahan yang digunakan untuk bingkai iklan kain rentang hendaklah dipastikan tahan lama dan tidak berkarat dan tidak lagi menampung iklan yang sudah luput tarikh atau tidak lagi berkaitan dengan perkembangan semasa;

Memandangkan iklan bersifat sementara, ianya dibenarkan menutup bukaan pada bangunan sekiranya kemasukan cahaya dan pengudaraan semula jadi sekurang-

kurangnya 30% dari bukaan asal. Walau bagaimanapun pemasangan iklan secara berterusan sebegini tidak dibenarkan;



Iklan kain rentang pada bangunan perniagaan yang menutup ruang terbuka pada bangunan.

Tidak boleh dipasang dengan cara yang boleh menimbulkan kecelaruan pandangan (*clutter*);

Hanya boleh dipasang pada kawasan yang berorientasikan pejalan kaki dan tidak di jalan berlaluan terus dan sibuk dan di persimpangan yang ditentukan oleh PBT.

Iklan Mekanikal Trivision / Scrolling / Elektronik

Merupakan iklan yang bertukar-tukar dan mengandungi pergerakan dan yang demikian hanya dibenarkan di kawasan yang berorientasikan pejalan kaki. Ini termasuklah di kawasan siar kaki (*pedestrian street*), iaitu jalan berkelajuan kurang 32 kilometer/jam dan dibenarkan juga bagi Jalan Akses dengan kelajuan melebihi 32 kilometer sehingga 40 kilometer/jam, sekiranya jalan tersebut menempatkan laluan awam yang lebar dan audiens pengiklanan adalah ditujukan kepada pejalan-pejalan kaki;

Pemasangannya di kawasan pejalan kaki hendaklah berharmoni dengan persekitaran pejalan kaki, berskala manusia, menarik dan dilandskap, tidak dibenarkan menjelaskan kelancaran pejalan kaki;

Tidak boleh dipasang berdekatan dengan iklan-iklan lain bagi mengelak *clutter*;

Tidak boleh dipasang berdekatan papan tanda lalu lintas, peralatan kawalan lalu lintas dan persimpangan-persimpangan yang dapat menjejas keselamatan di jalan raya; dan

Kandungan iklan hendaklah ringkas dan menarik serta mampu menyumbang kepada keceriaan persekitaran bandar dan pencahayaan pada waktu malam.

Perabot Jalan

Di kawasan siar kaki iaitu jalan dengan kelajuan kurang 32 kilometer/jam, hanya pengiklanan yang digabungkan dengan perabot jalan sahaja dibenarkan;



Pemasangan papan iklan pada perabot jalan membantu mempertingkatkan keceriaan pusat bandar.

Pengiklanan pada perabot jalan berikut sahaja dibenarkan (rujuk ilustrasi 'typology' perabot jalan):

- laluan pejalan kaki
- lampu
- tong sampah
- pondok telefon
- perhentian bas
- bangku
- gazebo
- pagola
- kiosk


Iklan hendaklah bersesuaian dengan reka bentuk perabot jalan dan tidak boleh mendominasi tujuan asal pemasangan atau penyediaan perabot jalan;

Penggunaan bahan hendaklah dari jenis yang sama atau yang memberi nilai tambah kepada kualiti perabot jalan;

Pemasangan iklan pada perabot jalan hendaklah memastikan keselamatan pengguna kawasan tersebut, tiada reka bentuk yang merbahaya seperti penggunaan kaca yang mudah pecah, bucu tajam, struktur yang mudah tanggal dan sebagainya; dan

Had ketinggian maksimum paparan iklan ialah 2 meter secara menegak manakala paras paling minimum adalah 1 meter. Bagi perabot jalan yang rendah di bawah paras had minimum tersebut seperti kerusi, tong sampah dan lain-lain, digalakkan kepada pengiklanan dalam bentuk moto dan logo.

Rasional Penetapan Ruang Paparan dan Had Pandangan Paparan Iklan.



Olahan dari United Nation Enable, 2004

Ilustrasi ‘Typology’ Perabot Jalan



A – Laluan Pejalan Kaki	G – Pagola	M – Bahu Jalan
B – Tong Sampah	H – Pondok Telefon	N – Kiosk
C – Lampu	I – Lintasan Pejalan Kaki	O – Bangku
D – Lanskap	J – Perhentian Bas	P – Tandas
E – Bollard	K – Papan Tanda	Q – Lain-lain perabot jalan
F - Gazebo	L – Laluan OKU	

7. PENUTUP

Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri agar garis panduan ini digunakan di Pihak Berkuasa Tempatan dan semua agensi berkaitan supaya pembangunan papan iklan luar dapat diselaras dan diseragamkan.

Lampiran

BIL	PERKARA	GARIS PANDUAN SEDIA ADA	SYOR PINDAAN GARIS PANDUAN
1	Membenarkan Papan Iklan Luar Didirikan Di Sebahagian Jalan Protokol	<p>Terdapat 16 Jalan Protokol di Pulau Pinang yang telah digazetkan. Jalan protokol ini digazetkan kerana lanya merupakan jalan utama yang dilalui oleh VIP dan sebarang pembinaaan iklan adalah dilarang.</p> <p>Jalan Protokol Sedia Ada :</p> <ul style="list-style-type: none"> 1. Jalan Scotland 2. Jalan Residensi 3. Jalan Codrington 4. Jalan Cantonment 5. Jalan Sultan Ahmad Shah 6. Jalan Masjid Negeri 7. Jalan Sultan Azlan Shah 8. Jalan Tun Dr. Awang 	<p>Jalan-jalan protokol didapati telah kurang digunakan oleh VIP kerana terdapat Lebuhraya Dr Lim Chong Eu. Oleh itu, kawasan di jalan-jalan tersebut juga pada masa kini telah banyak dibangunkan perniagaan, jalan tersebut dicadangkan dibuka untuk pemohonan lesen iklan.</p> <p>Selain jalan Protokol yang di nyata di bawah, jalan tersebut dibenarkan untuk mendirikan Papan Iklan Luar ;</p> <ul style="list-style-type: none"> 1.Jalan Scotland 2.Jalan Residensi 3.Jalan Utama 4.Jalan York 5.Jalan Sultan Azlan Shah (Lapangan Terbang ke Persimpangan Jalan Tengah (sebelum flyover) 9.Jalan Utama 10. Lebuhraya Peel 11.Persiaran Gurney 12. Jalan Macalister 13. Jalan York 14. Jalan Bayan Lepas 15. Jalan Gottlieb 16. Jalan Bagan Jermal

